

The Myth of Ulik Mayang as an Instrument for the Preservation of Intangible Heritage: A Case Study of Heritage Tourism Preservation in Kuala Terengganu

Nurul Syuhada Mohd Sharol *

Nordiana Ab Jabar **

Suraya Sukri ***

Chris Dickerson Thomas ****

Nurain Adha Normee Hadee *****

nurulsyuhadasharol24@gmail.com (Corresponding Author), nordiana.aj@umk.edu.my **, suraya@umk.edu.my ***, chrisdickerson51@gmail.com ****, c24d1712f@siswa.umk.edu.my ******

Abstract

Intangible heritage such as oral literature plays a crucial role in shaping the sociocultural identity of a community. However, efforts to position the Ulik Mayang myth as a tourism asset around Kuala Terengganu still face challenges of commercial marginalization and negative societal stigma, labeling it as a superstitious (khurafat) practice. Therefore, this study was conducted with the primary objective of elevating the Ulik Mayang myth as a strategic method for preserving heritage tourism. This qualitative study applied a purposive sampling technique through an in-depth interview with a local inheritor of oral tradition, supported by a document analysis of the text Ulik Mayang. The findings from the thematic analysis revealed that the Seven Princesses narrative, centered at Bukit Puteri and Batu Burok Beach, is not a polytheistic (syirik) practice; rather, it functions as a social control mechanism and a manifestation of local wisdom. Furthermore, the findings outline the potential application of this myth through storytelling tourism, such as the establishment of the 'Seven Princesses Heritage Trail'. In conclusion, the structured integration of this myth not only counters the polemics of superstition but also generates economic sustainability for the local community, ensuring that the spirit of this traditional heritage is preserved for future generations.

Keywords: *Heritage Tourism, Kuala Terengganu, Local Myths, Oral Literature, Ulik Mayang*

Submitted: 26 February 2026

Revised: 10 March 2026

Published: 31 March 2026

- * *Postgraduate Student at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.*
- ** *Senior Lecturer at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.*
- *** *Senior Lecturer at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.*
- **** *Postgraduate Student at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.*
- ***** *Postgraduate Student at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.*



Mitos Ulik Mayang sebagai Instrumen Pemeliharaan Warisan Tak Ketara: Kajian Kes Pelestarian Pelancongan Warisan di Kuala Terengganu

Nurul Syuhada Mohd Sharol *

Nordiana Ab Jabar **

Suraya Sukri ***

Chris Dickerson Thomas ****

Nurain Adha Normee Hadee *****

nurulsyuhadasharol24@gmail.com (Penulis Koresponden)*, nordiana.aj@umk.edu.my **, suraya@umk.edu.my ***, chrisdickerson51@gmail.com ****, c24d1712f@siswa.umk.edu.my *****

Abstrak

Warisan tidak ketara seperti sastera lisan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sosiobudaya sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, usaha untuk menjadikan mitos Ulik Mayang sebagai aset pelancongan di sekitar bandar raya Kuala Terengganu masih berhadapan dengan cabaran peminggiran komersial dan stigma negatif masyarakat yang melabelkannya sebagai amalan khurafat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan objektif utama untuk mengangkat mitos Ulik Mayang sebagai satu kaedah strategik dalam pelestarian pelancongan warisan. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan teknik pensampelan bertujuan melalui temu bual mendalam bersama pewaris tradisi lisan tempatan, dan disokong oleh analisis dokumen teks Ulik Mayang. Hasil analisis tematik mendapati bahawa naratif Tujuh Puteri yang berpusat di Bukit Puteri dan Pantai Batu Burok bukanlah sebuah amalan syirik, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial dan manifestasi kebijaksanaan tempatan (local wisdom). Penemuan kajian ini turut menggariskan potensi pengaplikasian mitos ini melalui pelancongan penceritaan (storytelling tourism), seperti pewujudan "Jejak Warisan Tujuh Puteri". Kesimpulannya, pengintegrasian mitos secara berstruktur bukan sahaja berupaya menangkis polemik khurafat, malah dapat menjana kelestarian ekonomi komuniti setempat di samping memastikan roh warisan tradisional ini terus dipelihara untuk generasi akan datang.

Kata Kunci: Kuala Terengganu, Mitos Tempatan, Pelancongan Warisan, Sastera Lisan, Ulik Mayang.

Dihantar: 26 Februari 2026

Disemak: 10 Mac 2026

Diterbit: 31 Mac 2026

- * Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok Kelantan, Malaysia.
- ** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.
- *** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.
- **** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok Kelantan, Malaysia.
- ***** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok Kelantan, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Negeri Terengganu Darul Iman merupakan sebuah negeri yang amat sinonim dengan kekayaan khazanah kebudayaan dan warisan ketara mahupun tidak ketara. Khazanah inilah yang memartabatkan jati diri dan identiti masyarakat setempat. Menurut UNESCO (2003), warisan tidak ketara adalah merangkumi kemahiran, pengetahuan, dan amalan masyarakat setempat yang diwarisi dari generasi-generasi sebelumnya. Warisan tidak ketara termasuklah seni persembahan, kepercayaan masyarakat, dan tradisi lisan adalah peninggalan masyarakat terdahulu yang berfungsi sebagai cerminan dan pembentukan sosiobudaya masyarakat. Di Kuala Terengganu khususnya, warisan tidak ketara ini masih tidak sepenuhnya hilang ditenggelami zaman. Hal ini dapat dibuktikan melalui aktiviti segelintir masyarakat di Kuala Terengganu yang masih mengekalkan kelangsungan warisan tidak ketara, khususnya cerita mitos dan legenda yang terus hidup dalam memori kolektif penduduk tempatan. Secara khususnya, kawasan yang padat dengan sejarah tempatan di Kuala Terengganu seperti di Batu Burok amat kaya dengan pelbagai naratif lisan yang bukan hanya dapat digunakan sebagai hiburan sahaja, malah juga dapat diangkat sebagai satu kaedah yang boleh digunakan di dalam sektor pelancongan budaya.

Antara warisan tidak ketara berbentuk naratif lisan yang terkenal dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat, bukan sahaja masyarakat di Terengganu bahkan di seluruh Malaysia, ialah Ulik Mayang. Ulik Mayang pada asalnya merupakan satu amalan ritual yang melibatkan perubatan secara tradisional dengan pemujaan kepada semangat laut yang dipercayai hadir di dalam bentuk tujuh orang puteri penjaga negeri Terengganu. Kekuatan pada persembahan Ulik Mayang adalah tertumpu kepada lirik yang digunakan semasa tarian penyembuhan dipersembahkan kepada puteri-puteri tersebut yang mengandungi unsur-unsur pemujaan (Noraien Mansor, 2017). Naratif penceritaan Ulik Mayang ini sarat dengan mitos yang menunjukkan corak pemikiran masyarakat setempat pada zaman dahulu. Sekiranya diteliti menerusi gagasan Teori Sastera Budaya pemikiran Raymond Williams (1977), karya lisan yang mendominasi sehingga ke hari ini berkait rapat dengan realiti sosial masyarakat dan ia merupakan satu pengalaman hidup yang membentuk struktur perasaan (*structure of feeling*) serta identiti masyarakat di Kuala Terengganu.

Walau bagaimanapun, arus pemodenan dan komersialisasi pada masa kini telah membawa cabaran baharu terhadap warisan budaya tidak ketara Ulik Mayang. Permasalahan utama yang kritikal pada masa kini ialah warisan tidak ketara termasuklah Ulik Mayang dan mitos-mitos setempat sering kali dilihat sebagai hiburan kosong dan tidak dimanfaatkan potensinya sebagai alat pemeliharaan warisan yang mampu menarik minat pelancong untuk mengunjungi negeri Terengganu, khususnya Kuala Terengganu yang dipercayai adalah kawasan sebenar berlakunya kisah Ulik Mayang pada suatu ketika dahulu. Selain itu, Ulik Mayang dan cerita-cerita mitos yang lain juga sering menerima kritikan dan disalahanggap bahawa ia mengandungi unsur-unsur *syirik* dan merupakan amalan *khurafat* (Majlis Keselamatan Negara, 2025). Pada suatu ketika dahulu, persembahan Ulik Mayang pernah diharamkan oleh kerajaan negeri Terengganu kerana dipercayai mengandungi unsur khurafat (Noraien Mansor, 2017). Hal ini demikian kerana lirik yang digunakan di dalam persembahan Ulik Mayang tersebut dipercayai merupakan mantera yang digunakan oleh bomoh ketika meminta pertolongan daripada tujuh orang puteri tersebut, dan bukannya daripada Allah SWT. Stigma negatif ini bukan sahaja menyukarkan usaha untuk



mempromosikan warisan ini kepada khalayak umum, malah ia juga menyebabkan nilai sejarah, sastera, dan identiti budaya yang terkandung di dalamnya akan semakin dilupakan oleh generasi baharu.

1.1 Permasalahan Kajian

Kajian--kajian terdahulu cenderung menumpukan kepada naratif lisan yang terdapat di dalam masyarakat di Terengganu termasuklah Ulik Mayang yang lebih tertumpu kepada aspek kebolehpasaran lirik lagu (Nurul et. al., 2025), sokongan komuniti terhadap pelancongan (Jassmin, 2023) dan juga merungkaikan isu stigma *khurafat* dalam sastera (Anis et. al., 2025). Walau bagaimanapun, terdapat kelompongan kajian yang jelas dari sudut pengaplikasian warisan tidak ketara ini. Pengkaji mendapati bahawa wujud kelompongan kajian yang membincangkan cara bagaimana mitos Ulik Mayang ini dapat dioperasikan secara fizikal. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi lompong tersebut dengan mengalihkannya kepada pemeraksanaan pelancongan warisan di Kuala Terengganu yang merupakan negeri asal-usul Ulik Mayang. Kajian ini menganalisis Ulik Mayang secara praktikal untuk menjadikannya satu kaedah strategik bagi pelestarian pelancongan warisan di Bukit Puteri dan Batu Burok.

1.2 Objektif Kajian

Bagi menyelesaikan permasalahan yang digariskan, kajian ini telah dijalankan berdasarkan objektif utama iaitu menganalisis naratif dan pemaknaan budaya Ulik Mayang di Bukit Puteri dan Batu Burok untuk menangkis stigma khurafat serta mengangkatnya sebagai aset pelancongan warisan.

2.0 Kajian Literatur

Dalam membincangkan tentang potensi warisan tidak ketara sebagai tarikan pelancongan warisan, kajian yang dijalankan oleh Nurul, et al., (2025) bertajuk 'Impak Lirik Lagu Rakyat Melayu Terhadap Pelancongan di Terengganu' telah meneliti peranan lirik lagu rakyat Melayu, termasuklah lagu Ulik Mayang. Kajian yang diterbitkan di dalam Jurnal Peradaban Melayu tersebut telah menganalisis bagaimana lirik-lirik lagu rakyat Melayu berfungsi bukan hanya sebagai elemen persembahan, malah juga dapat bertindak sebagai penceritaan yang penting dalam menyampaikan mitos dan cerita-cerita tempatan. Menerusi penceritaan yang terdapat di dalam lirik-lirik lagu rakyat Melayu, warisan ini dilihat mempunyai potensi besar untuk diangkat sebagai sebuah produk pelancongan warisan yang memiliki nilai komersial yang tinggi kepada rakyat Malaysia. Dapatan yang telah diperolehi di dalam kajian ini menunjukkan bahawa majoriti individu yang menjawab soal selidik bersetuju bahawa lagu-lagu rakyat Melayu Terengganu dapat menarik minat mereka untuk mengunjungi negeri Darul Iman itu.

Seterusnya, Dalam konteks global, pelancongan warisan budaya tidak ketara (*intangible cultural heritage tourism*) telah diiktiraf secara meluas sebagai instrumen penting bagi pelestarian identiti komuniti. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menerusi Konvensyen 2003 secara tegas menggariskan keperluan untuk mendokumentasikan warisan lisan dan tradisi persembahan bagi mengelakkan ancaman kepupusan akibat arus globalisasi (UNESCO, 2003). Sejajar dengan ketetapan ini, pelancongan



cerita rakyat (*folklore tourism*) mula mendapat tempat sebagai sebahagian daripada sektor pelancongan penceritaan yang berimpak tinggi. Menerusi kerangka interpretasi warisan (*heritage interpretation*), mitos dan legenda tempatan bukan lagi sekadar himpunan cerita rakyat yang terpinggir, sebaliknya diangkat sebagai aset berharga yang memberikan roh dan makna (*sense of place*) kepada sesuatu destinasi pelancongan fizikal (Timothy, 2011). Walau bagaimanapun, tinjauan literatur mendapati kerangka pelancongan warisan bertaraf antarabangsa ini masih kurang diaplikasikan dalam konteks sastera lisan di Malaysia, terutamanya di kawasan Pantai Timur. Kebanyakan kajian pelancongan tempatan terdahulu didapati lebih memfokuskan kepada pemeliharaan warisan ketara seperti monumen dan seni bina binaan, berbanding mengeksploitasi potensi warisan tidak ketara. Lompong literatur inilah yang merupakan keperluan mendesak bagi kajian ini dijalankan. Pengaplikasian strategi interpretasi warisan antarabangsa terhadap naratif tempatan seperti Ulik Mayang amat kritikal bagi menterjemahkan pandang dunia (*worldview*) masyarakat tradisional Terengganu ke dalam bentuk pengalaman pelancongan yang mendidik, sekaligus memelihara keaslian budaya setempat daripada dicemari unsur komersialisasi semberono.

Kajian kualitatif yang dijalankan oleh Jassmin (2023) yang bertajuk '*Resident's Perception of Heritage-Based Tourist Attraction in Kuala Terengganu*' telah menghurai tentang persepsi penduduk terhadap tarikan pelancongan berasaskan warisan di Kuala Terengganu. Kajian ini mendapati bahawa wujudnya tahap kesedaran dan sokongan yang tinggi daripada kalangan masyarakat di Kuala Terengganu untuk menarik minat pelancongan menggunakan warisan-warisan di Kuala Terengganu. Hasil temu bual kajian tersebut mendedahkan bahawa masyarakat tempatan melihat pelancongan warisan bukan sahaja sebagai kaedah penarikan pelancongan, tetapi juga merupakan *platform* penting untuk mengekalkan warisan bangsa, budaya, dan identiti masyarakat daripada ditelan zaman. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa masyarakat di Kuala Terengganu sudah mempunyai persediaan dan pemahaman yang positif terhadap nilai komersial dan budaya pelancongan warisan. Penerimaan komuniti tempatan ini secara langsung telah memberikan asas yang kukuh kepada usaha untuk mengangkat warisan tidak ketara seperti naratif, lagu, dan mitos seperti Ulik Mayang sebagai produk pelancongan baharu.

Menelusuri literatur berkaitan pelancongan penceritaan (*storytelling tourism*), sarjana pelancongan seperti Moscardo (2020) menegaskan bahawa naratif lisan yang diintegrasikan secara strategik ke dalam sektor pelancongan mampu mengubah pengalaman pelancong daripada sekadar pemerhati fizikal kepada pelancong yang menjwai budaya tempatan secara mendalam. Dalam hal ini, penceritaan mitos tidak lagi dilihat sebagai sastera lapuk, sebaliknya bertindak sebagai instrumen yang memelihara kelestarian warisan budaya tidak ketara dan menjana rantaian sosioekonomi komuniti di pesisir pantai. Perkara ini amat bersesuaian jika disoroti dari sudut pandang Teori Sastera Budaya gagasan Raymond Williams (1977) menerusi aspek struktur perasaan. Dapat dilihat menerusi kajian lepas dalam bidang pengurusan warisan budaya yang telah dijalankan oleh Smith (2015) di mana beliau telah mengaplikasikan konsep struktur perasaan (*structure of feeling*) dan membuktikan bahawa pelancong kontemporari tidak lagi hanya mencari keindahan destinasi fizikal semata-mata, tetapi mereka turut mencari nilai emosi, kearifan tempatan, dan perkongsian pengalaman masa lampau sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, penterjemahan naratif mistik seperti Ulik Mayang ke dalam kerangka pelancongan warisan yang tersusun dijangka mampu mengisi lompong literatur ini, seterusnya mengangkat martabat sastera lisan ke tahap yang lebih komersial.



Selain daripada cabaran berkenaan komersial, penerimaan warisan Ulik Mayang turut terjejas akibat daripada kepercayaan dan stigma masyarakat. Kajian etnografi yang bertajuk '*Narratives In Melody: Exploring Folk Tales in Terengganu's Traditional Songs*' oleh Anis, et al., (2025) telah meneliti naratif lisan dalam lagu-lagu tradisional Terengganu, termasuklah lagu Ulik Mayang. Menerusi kajian ini, didapati bahawa persembahan Ulik Mayang kini berhadapan dengan cabaran berkenaan agama, sekaligus menjadikan generasi muda semakin menghindari dan kurang berminat dengan Ulik Mayang. Hal ini berpunca daripada pandangan negatif yang mengatakan persembahan Ulik Mayang adalah satu amalan *khurafat* yang menakutkan. Pemikiran ini wujud kerana sejarah asal usul Ulik Mayang digunakan sebagai ritual perubatan tradisional atau perbomohan. Walaupun begitu, kajian ini berpendapat bahawa terdapat sisi berbeza terhadap perkara-perkara mistik yang berlaku semasa persembahan Ulik Mayang diadakan. Antaranya ialah faktor psikologi penari atau penonton yang menjuruskan kepada insiden mistik dan histeria yang terjadi. Kajian ini juga berpendapat bahawa selagi wujudnya stigma negatif masyarakat terhadap warisan tidak ketara Ulik Mayang ini, ia akan menjejaskan potensi Ulik Mayang sebagai salah satu warisan tidak ketara yang bernilai di negeri Terengganu.

3.0 Metodologi Kajian

Bahagian ini membincangkan pendekatan dan kerangka metodologi yang digunakan sepanjang menjalankan kajian ini secara terperinci. Pemilihan metodologi yang tepat dan bersejajar adalah amat penting untuk memastikan proses pengumpulan data berjalan lancar, serta menjamin kesahan dapatan yang dikumpul bagi mengkaji potensi Ulik Mayang sebagai kaedah pelestarian pelancongan warisan di Bukit Puteri dan Batu Burok. Secara khususnya, penerangan di dalam bahagian ini akan merangkumi tiga aspek utama iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data yang menggunakan data primer, dan data sekunder.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang bersifat deskriptif. Pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia amat bersesuaian dengan objektif kajian yang memerlukan kajian mendalam terhadap fenomena budaya dan pemahaman makna tersirat Ulik Mayang, sekaligus mengaplikasikannya ke dalam pelancongan warisan di Bukit Puteri dan Batu Burok. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji memahami struktur perasaan (*structure of feeling*) dan menghuraikan maksud tersirat tanpa mengubah nilai-nilai warisan yang terkandung di dalam mitos Ulik Mayang.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan dua kaedah utama untuk mengumpul data iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Hal ini adalah bersesuaian bagi memastikan kelengkapan kajian dapat diisi dengan baik menggunakan data yang relevan dan bersesuaian.

3.2.1 Data Primer (Temu Bual Separa Berstruktur)

Pengumpulan data primer, iaitu menerusi temu bual separa berstruktur dijalankan adalah bertujuan untuk memperoleh data mentah atau asli. Satu sesi



temu bual mendalam (*in-depth interview*) telah dijalankan oleh pengkaji bagi mendapatkan data primer. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana pengkaji tidak memilih informan secara rawak, sebaliknya informan yang terlibat dipilih berdasarkan kriteria kelayakan dan kekayaan pengalaman (*fund of knowledge*) berkenaan cerita mitos tempatan terutamanya Ulik Mayang. Menurut Ghazali dan Sufean (2016), saiz sampel yang kecil di dalam kajian kualitatif sudah memadai asalkan pemilihan informan tersebut mampu memberikan data yang mendalam dan dapat mencapai tahap ketepuan data (*data saturation*).

Pengkaji telah menemukan tiga orang informan yang merupakan penduduk tempatan di Kampung Batu Burok, Kampung Chendering, dan Kampung Gong Gemia, Kuala Terengganu. Informan dipilih terdiri daripada penduduk tempatan yang merupakan individu yang melakukan penyelidikan khusus mengenai Ulik Mayang (Informan 1), pesara istana (Informan 2), dan mempengaruhi yang arif tentang sejarah tempatan (Informan 3) yang memiliki pengetahuan yang meluas dan amat mendalam tentang cerita terperinci, asal-usul, dan pantang larang Ulik Mayang. Walaupun berstatus penduduk tempatan, namun kedudukan mereka di dalam kajian ini diiktiraf sebagai pewaris tradisi lisan kolektif masyarakat. Temu bual mendalam ini telah membolehkan pengkaji memperoleh maklumat terperinci dari perspektif generasi terdahulu dan generasi baharu yang belum pernah didokumentasikan dalam mana-mana rekod rasmi, terutamanya mengenai bentuk penghayatan naratif lisan Ulik Mayang ini dihayati oleh komuniti setempat sebelum digunakan sebagai tarikan pelancongan.

Sesi temu bual mendalam bersama ketiga-tiga informan telah dijalankan secara bersemuka dengan purata masa antara 30 hingga 60 minit bagi setiap sesi. Kesemua perbualan direkodkan secara audio menggunakan peranti perakam suara pintar setelah mendapat persetujuan lisan (*informed consent*) daripada informan. Di samping itu, pengkaji turut mencatat nota lapangan (*field notes*) semasa sesi temu bual bagi merekodkan pemerhatian bukan lisan seperti reaksi emosi dan penegasan bahasa badan informan, yang mana ia penting untuk menyokong proses pemaknaan budaya.

3.2.2 *Data Sekunder (Analisis Dokumen)*

Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mengumpul data sekunder untuk menyokong dan mengesahkan dapatan daripada temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen seringkali dipanggil sebagai *armchair research* kerana ia tidak memerlukan pengkaji untuk turun ke lapangan seperti proses pengumpulan data primer. Rujukan teks yang menjadi tulang belakang kepada proses pemahaman sejarah dan lirik persembahan Ulik Mayang ini adalah daripada naskah Ulik Mayang Warisan Terengganu oleh Noraien Mansor (2017). Buku ini amat berfungsi sebagai rujukan pengkaji dalam memahami konteks sejarah amalan ritual perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Terengganu pada zaman dahulu yang telah membentuk mitos



tersebut. Selain itu, pengkaji juga turut menelusuri artikel-artikel jurnal daripada kajian lepas, prosiding, serta keratan artikel dari laman sesawang rasmi untuk memahami keadaan semasa sektor pelancongan warisan di Terengganu, sekaligus mengkaji pandangan pengkaji-pengkaji lain berkenaan Ulik Mayang.

3.3 Kaedah Analisis Data

Pengkaji menggunakan pendekatan analisis tematik bagi menganalisis kesemua data yang diperoleh melalui temu bual dan analisis dokumen yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji juga telah menyusun transkrip temu bual bersama informan utama mengikut tema-tema yang selari dengan objektif kajian, khususnya yang berkait dengan keaslian warisan, cabaran masa kini, dan langkah pelestarian. Kaedah analisis tematik sangat berkesan dalam penyelidikan kualitatif kerana ia membolehkan pengkaji mengenal pasti dan menyusun data kepada tema secara sistematik (Ghazali & Sufean, 2021). Dalam kajian ini, proses pengumpulan data dilakukan dengan menyaring data temu bual untuk membentuk tema-tema utama yang selari dengan objektif kajian. Hasil yang didapati daripada tema-tema ini kemudiannya diolah untuk membentuk satu strategi praktikal bagi menjadikan Ulik Mayang sebagai salah satu aset pelestarian pelancongan warisan.

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian kualitatif ini, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah triangulasi sumber seperti yang disarankan oleh Ghazali dan Sufean (2022). Pengumpulan data daripada tiga orang informan yang mewakili latar belakang yang berbeza iaitu pengkaji akademik (Informan 1), pewaris generasi lama dan pesara istana (Informan 2), serta mempengaruhi generasi muda (Informan 3). Dengan adanya tiga informan berlainan latar belakang membolehkan data disilang semak (*cross-checked*) bagi mengelakkan sebarang bias peribadi. Bukti kesepakatan (*consensus*) daripada ketiga-tiga suara rentas generasi ini memperkukuhkan ketepatan data. Selain itu, teknik semakan informan (*member checking*) turut diaplikasikan di mana pengkaji merujuk semula transkripsi dan kod dapatan kepada informan bagi memastikan interpretasi akademik yang dibuat adalah tepat dan selari dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh mereka.

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Menerusi bahagian ini, pengkaji akan membincangkan hasil analisis data yang diperoleh secara empirikal melalui proses temu bual mendalam bersama tiga orang informan yang merupakan pewaris tradisi lisan. Kajian ini juga disokong oleh kerangka teks yang terdapat di dalam naskah Ulik Mayang Warisan Terengganu oleh Noraien Mansor (2017). Bagi menjawab objektif kajian secara mendalam, pengkaji telah memecahkan hasil dapatan kepada tiga tema utama, iaitu penelitian naratif lisan dan simbolisme Tujuh Puteri di sekitar Kuala Terengganu, menilai pemaknaan budaya terhadap unsur *khurafat* berdasarkan konteks budaya tempatan dan penggunaan mitos sebagai elemen pelestarian pelancongan warisan.



4.1 Penelitian Naratif Lisan dan Simbolisme Tujuh Puteri

Menerusi dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa penceritaan mitos Ulik Mayang di Kuala Terengganu bukanlah satu naratif yang asing lagi. Sebaliknya, Ulik Mayang merupakan sebahagian daripada cerita mitos yang paling dikenali oleh masyarakat terdahulu dan kini. Hal ini kerana Ulik Mayang melibatkan entiti ‘penjaga’ yang dikenali sebagai Tujuh Puteri yang dipercayai merupakan makhluk Jin. Melalui temu bual yang dijalankan, informan menegaskan bahawa kewujudan puteri-puteri ini bukanlah sesuatu yang tidak asing lagi bagi masyarakat Terengganu, termasuklah dalam kalangan pemerintahan Terengganu pada zaman dahulu. Informan berkongsi pengetahuan bahawa puteri-puteri ini mempunyai pertalian yang sangat akrab dengan pemerintahan pada zaman dahulu, sehinggakan muncul nama panggilan lain kepada puteri-puteri ini iaitu ‘Jin Kerajaan’ yang mempunyai tugas sebagai penjaga mistik perairan dan daratan negeri Darul Iman tersebut.

“Negeri Perak ye ade kesultanan dia, berkait rapat dengan bunian sane. Tranung pun ade. Kite ade Tujuh Puteri ni. Jin Kerajaan orang panggil. Kerajaan tu bukan government tu! Tapi ke-raja-an. Jin Hok berkait rapat dengan kesultanan kite”
(Temu bual Informan 1, 2025)

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan kedudukan geografi yang menunjukkan kaedah masyarakat lama memetakan kawasan persekitaran mereka menerusi cerita-cerita mitos, termasuklah Ulik Mayang. Setiap puteri di dalam Tujuh Puteri itu dipercayai mempunyai wilayah jajahan masing-masing yang bukan sahaja di dalam daerah Kuala Terengganu, malah juga merentasi daerah dan pulau di Tanah Terengganu. Informan turut menjelaskan secara terperinci taburan lokasi tersebut:

“Kat Tranung ni, tujuh orang puteri ni berkait rapat dengan kesultanan Tranung... Tapi yang jage raja, yang duduk di Bukit Teri [Puteri] tu, Puteri Mayang Mengurai name dia. Puteri sulung dia nama dia Puteri Mayang Mengurai... Name puteri lain, Puteri Mayang Mawar jage Pulau Redang... Puteri Mayang Pinang ni ye duduk kat Pulau Perhentian... Puteri Mayang cempaka ye duduk kat Bukit Chendering... Puteri Mayang Kenanga ye duk di Pulau Kapas, atau Pulau Gemia... Puteri Mayang Melor ni ye duk di Bukit Tebu... last sekali Puteri Mayang Sari. Ye duk di Lemboh Bidong atau Bukit Bucu”. (Temu bual Informan 1, 2025)

Menerusi perbualan tersebut, dapat kita ketahui bahawa di sebalik taburan geografi yang luas ini, Bukit Puteri yang terletak di bandaraya Kuala Terengganu telah diiktiraf sebagai tempat berkumpul atau ‘induk’ bagi ketujuh-tujuh entiti tersebut. Masyarakat terdahulu sering menceritakan pengalaman mereka melihat dan mengetahui waktu-waktu tertentu ketujuh-tujuh puteri ini berkumpul di Bukit Puteri adalah menerusi fenomena alam, iaitu dengan kehadiran kabus tebal yang hanya menutupi bukit itu sahaja walaupun pada siang hari. Informan menyatakan: *“Biasenye masyarakat setempat zaman dulu, ye akan napok bukit tu kabus (berkabus) pade satu ketika. Biase bile kabus tu lah mase diaorang jupe”.* Fenomena ini membuktikan bahawa sastera lisan tempatan tidak dicipta sewenang-wenangnya, tetapi diinspirasi daripada pemerhatian, pengalaman, dan



pengamatan masyarakat dengan alam semula jadi yang kemudiannya diolah menjadi naratif lisan.

Seterusnya, informan juga ada menegaskan bahawa Pantai Batu Burok merupakan tapak asal yang paling rasional dipercayai berlakunya peristiwa tarian perubatan Ulik Mayang itu. Walaupun wujud beberapa variasi lain berkenaan lokasi sebenar, tetapi informan yakin bahawa insiden Ulik Mayang itu berlaku di Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu.

“Rasenye pata (pantai) betul dia pata Batu Burok tu. Memang kalu kite tanye orang pun ye kate gitu. Pernah jugok ade ahli perubatan indonesia, dia mari sini memang dia wak kajian mistik-misitik ni. Dia kate memang logik kalu bende tu jjadi (terjadi) di pata Batu Burok”. (Temu bual Informan 1, 2025)

Kenyataan yang diberikan oleh informan ini amat penting dalam kajian ini kerana ia selari dengan dokumentasi sejarah yang ditulis oleh Noraien Mansor (2017) mengenai ritual pemujaan semangat laut. Penggunaan Ulik Mayang untuk menarik minat pelancong warisan mempunyai potensi besar untuk berjaya kerana perbualan oleh informan seperti di atas telah menghubungkan kaitkan lokasi Batu Burok dan Bukit Puteri. Secara tidak langsung telah menyediakan sebuah peta warisan fizikal yang boleh digunakan sebagai produk pelancongan warisan di tempat-tempat berkenaan.

Informan 3 juga menyuarakan tentang latar tempat insiden Ulik Mayang ini berlaku. Walaupun kisah ini telah berevolusi menerusi peralihan zaman, beliau telah mengesahkan bahawa naratif lisan asalnya berakar umbi di kawasan pesisir Pantai Batu Burok yang dipercayai oleh masyarakat setempat sejak zaman dahulu lagi.

“Dulu kite ade la dengor cerite nelayan kena rasuk tepi pata Batu Burok tu”. (Temu bual Informan 3, 2026)

keseragaman data yang telah diberikan dan dikemukakan oleh informan-informan berlainan generasi ini telah membuktikan bahawa masyarakat Terengganu tidak asing dengan penceritaan Ulik Mayang dan perkaitannya dengan lokasi Pantai Batu Burok.

4.2 Menilai Pemaknaan Budaya Terhadap Unsur *Khurafat* Berdasarkan Konteks Budaya Tempatan

Seterusnya, cabaran terbesar dalam usaha menaikkan mitos Ulik Mayang sebagai satu aset pelancongan warisan adalah berkenaan tentangan stigma masyarakat kontemporari yang telah melabelkan warisan ini sebagai amalan *syirik* dan *khurafat*. Kewujudan stigma ini bukanlah satu tanggapan tidak berasas daripada pemerhatian awam semata-mata, sebaliknya ia telah berakar umbi daripada ketetapan rasmi pihak berwajib iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1991 memutuskan bahawa bait-bait lirik lagu Ulik Mayang mengandungi unsur-unsur pemujaan yang dikhuatiri boleh membawa kepada terpesongnya akidah umat Islam (JAKIM, 1999). Pernyataan rasmi terhadap elemen pemujaan ini telah menebalkan lagi stigma masyarakat terhadap Ulik Mayang (Noraien, 2017).



Walaupun begitu, setelah menjalankan temu bual dan analisis secara mendalam, pengkaji telah menemukan satu pendedahan pemikiran baharu bahawa masyarakat Melayu terdahulu tidak menganggap bahawa mempercayai dan mempraktikkan mitos Ulik Mayang ini sebagai satu perbuatan yang mensyirikkan Tuhan. Sebaliknya, mereka mempercayai bahawa perbuatan menyeru jin laut dan sebagainya itu adalah satu bentuk keharmonian antara golongan manusia dan golongan jin. Masyarakat terdahulu memegang kepada konsep niat dan iktikad yang telah dikupas dengan sangat kritikal berkenaan garis sempadan antara mitos dan *syirik* oleh informan 1 dan 3.

"Syirik ni melibatkan iktikad dalam hati kite... Kite ni kena fikir semua benda hok berlaku ni kerja Allah Ta'ala. Bila kite yakin gitu, dok syirik lah kite. Sebab Allah boleh melakukan apa sahaja... Sama je macam kite tengok ade orang bersahabat dengan jin. Kan Allah kate jin ni dipertanggungjawabkan sebagai mukallaf. Maknenye ade jugok lah jin beragama Islam... Syirik tu atas pegangan kite. Bukan atas cerite-cerite mitos ni". (Temu bual Informan 1, 2025)

Pemurnian naratif berkaitan elemen *syirik* ini diperkuatkan oleh Informan 3 menerusi interaksinya bersama penyanyi asal lagu Ulik Mayang. Beliau mendedahkan bahawa bait-bait mantera yang terkandung dalam lagu Ulik Mayang, yang sering ditakuti dan dilabel khurafat oleh masyarakat sebenarnya disalahertikan.

"Saye rapat dengan anak Mommy Wan Salmah tu. Saye pun pernah sembang dengan Mommy pasal Ulik Mayang ni. Mommy kate mantera hok dalam lagu tu tak dok makne pun. Hanyalah lirik semata-mata untuk naikkan rase eerie (seram) pade orang hok dengor". (Temu bual Informan 3, 2026)

Menerusi Informan 3, jelaslah bahawa elemen misteri dalam lagu Ulik Mayang hanyalah sebagai satu bentuk komersial yang mengandungi nilai estetika kesenian yang sengaja diubah dan dicipta untuk membentuk struktur perasaan (*structure of feeling*) rasa gerun dalam kalangan pendengar. Ia bukanlah satu bentuk mantera pemujaan yang sebenar. Tambahan pula, pemikiran Informan 3 juga turut selari dengan Informan 1 apabila merasionalkan kejadian mistik seperti kerasukan, kepada kekuasaan mutlak Tuhan kerana beliau telah menegaskan bahawa *"Orang hok kene rasuk tu mungkin gok semangat ye lemah. Tapi Allah boleh wak belaka, tak dok benda mustahil pun."*

Hal ini telah membuktikan bahawa masyarakat Terengganu mempunyai kebijaksanaan yang tinggi dalam keseimbangan antara kepercayaan tradisional yang berbentuk animisme dengan akidah Islam. Makhluk lain seperti Tujuh Puteri itu bukanlah disembah sebagai Tuhan, akan tetapi masyarakat terdahulu menghormati mereka sebagai makhluk lain di bumi ini yang berkongsi alam yang sama. Sikap masyarakat dahulu yang saling menghormati ini juga dapat dilihat menerusi tradisi lain, seperti tradisi meminjam pinggan mangkuk di Bukit Puteri untuk majlis kenduri masyarakat setempat. Perkara ini tidak asing dalam masyarakat tradisional.

Tradisi meminjam pinggan mangkuk daripada makhluk Jin ini merupakan satu bentuk pengajaran yang boleh menerapkan nilai-nilai integriti dan kebertanggungjawaban



masyarakat dahulu. Informan juga berkata bahawa syarat untuk meminjam pinggan dan mangkuk dari entiti tersebut ialah “dok leh ade hilang, dok leh ade pecoh” yang bermaksud tidak boleh menghilangkan atau merosakkan barangan yang dipinjam. Hal ini dapat mengajar masyarakat tentang amanah, saling mempercayai, dan tepati janji. Informan juga menyimpulkan bahawa nilai-nilai inilah yang telah membentuk identiti keperibadian rakyat Terengganu.

“Rakyat Tranung mungkin dari dulu kalu jjanji (berjanji), kena tepati. Kalu mmain (bermain) pun, dok main melampau-lampau. Dia ade kadar-kadar dia”. (Temu bual Informan 1, 2025)

Selain itu, naratif Ulik Mayan dan juga kisah-kisah mistik di lautan adalah untuk mengawal aktiviti sosial bagi komuniti di pesisir pantai pada zaman dahulu. Golongan tua sering menggunakan mitos-mitos pantai dan lautan ini sebagai cara pencegahan untuk melindungi keselamatan fizikal kanak-kanak dan generasi muda daripada bahaya pantai dan laut, terutamanya pada waktu senja agar tidak berlaku sebarang kemalangan seperti lemas dan sebagainya.

“Biase-biasenye pokcik-pokcik dulu marah la kite ggalok-ggalok garib hari kat kawasan pata-pata ni. Dia kate ‘dok dengor ke cerite Ulik Mayang tu? Orang dok sedor, gane orang kene ghepo (merepah dengan mayang pinang), berlari masuk dalam air sapa boleh lemas sebab dok sedo!’. Maknenye benda tu jadi satu amaran kepada kite hok budok-budok lagi mase tu. Jangan gi main ppata mase garik, malam pun same jangan gi ppata sorang-sorang. Cerite-cerite mitos ni bukan cerite saje-saje. Kalu kite tengok sejarah cerite-cerite perairan Tranung pun macam-macam cerite kite dengor. Boleh katekan perairan Tranung ni sentiasa ade kes yang kite kate di luar adat kite”. (Temu bual Informan 1, 2025)

Oleh itu, dapat dilihat bahawa cerita-cerita berkenaan Ulik Mayang dan Tujuh Puteri yang disampaikan oleh masyarakat terdahulu ini bukanlah sekadar warisan tidak ketara yang bergelumang dengan ilmu hitam. Akan tetapi, ia adalah satu sistem kawalan sosial dan pendidikan moral yang telah membina struktur perasaan (*structure of feeling*), identiti masyarakat, serta ketamadunan masyarakat Kuala Terengganu. Cerita-cerita yang disampaikan oleh informan ini juga dapat membuka mata masyarakat moden bahawa di sebalik setiap cerita rakyat yang disampaikan, semestinya mengandungi nilai pengajaran yang tinggi.

4.3 Penggunaan Mitos Sebagai Elemen Pelestarian Pelancongan Warisan.

Berdasarkan perbincangan mengenai stigma masyarakat dan pemetaan Bukit Puteri dan Batu Burok yang telah dibincangkan di atas, kelompongan kajian yang digariskan pada peringkat awal penulisan telah dapat diselesaikan. Mitos Ulik Mayang bukan sahaja warisan tidak ketara yang disampaikan oleh masyarakat sejak turun-temurun, tetapi ia sememangnya memiliki potensi yang sangat besar untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan di Bukit Puteri dan Batu Burok, Kuala Terengganu.



Walaupun begitu, pengkaji berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya pelancongan berasaskan penceritaan (*storytelling tourism*) dijalankan untuk mengelakkan daripada berlakunya penceritaan dan komersialisasi yang dapat menghilangkan 'roh' keaslian Ulik Mayang tersebut. Sebagai contoh, pihak berkuasa boleh menawarkan satu cara semula jadi untuk menghidupkan perkaitan antara Bukit Puteri dan Pantai Batu Burok seperti mewujudkan 'Jejak Warisan Tujuh Puteri' (*The Seven Princesses Heritage Trail*) yang membolehkan pelancong merasai pengalaman masyarakat terdahulu. Pelancong boleh dibawa ke lokasi batu besar di atas Bukit Puteri yang dahulu digunakan masyarakat untuk meletakkan sireh dan limau dalam amalan meminjam pinggan, disertai penerangan interaktif mengenai aktiviti yang berlaku di lokasi berkenaan yang terkait dengan Jin Kerajaan. Pelancongan berasaskan penceritaan ini bukan sahaja dapat menawarkan aktiviti lawatan secara fizikal, tetapi juga dapat dijadikan satu medium untuk mengembalikan struktur perasaan (*structure of feeling*) masyarakat terdahulu kepada pelancong moden. Ini kerana, menerusi penceritaan lisan di Bukit Puteri dan Pantai Batu Burok memberi peluang kepada pelancong untuk merasai dan memahami suasana alam persekitaran membentuk kehidupan masyarakat Terengganu pada masa lampau.

Seterusnya, jejak ini juga boleh dipanjangkan ke Pantai Batu Burok menerusi persembahan teater interaktif atau visual yang dapat menceritakan kejadian asal penyembuhan Ulik Mayang dari sudut pandang sejarah dan seni budaya, tanpa memasukkankan elemen ritual perbomohan yang sebenar. Dengan kerjasama dan komitmen yang serius daripada pihak berkenaan, terutamanya agensi kerajaan, perancangan pelaksanaan pelancongan warisan berasaskan mitos Ulik Mayang ini dapat dijayakan. Informan 2 telah mendedahkan bahawa pementasan Ulik Mayang ini sentiasa mendapat tempat istimewa bagi masyarakat setempat di lokasi asalnya, Pantai Batu Burok. Walaupun masyarakat kini hidup dalam arus pemodenan, beliau menyatakan:

"Orang kite leni ye dok jauh mane dengan cerite-cerite gini. Makne sakni walaupun leni keadaan lain doh, ade telefon belake doh, tapi banyak je Tokki tengok orang gi pata Batu Burok nung gi tengok orang main Ulik Mayang atas pentas". (Temu bual Informan 2, 2026)

Selain itu, Informan 3 juga telah menyuarakan pendapat bahawa pelancongan warisan ini juga perlu diperluaskan ke dalam pasaran industri kreatif. Beliau juga telah memberikan cadangan yang amat bernas untuk mengkomersialkan warisan Ulik Mayang ke tahap yang lebih hebat bagi menarik pelancong luar.

"Boleh gune untuk tarik pelancong kalau wak dalam bentuk teater macam dulu-dulu tu. Leni mungkin boleh wak Ulik Mayang jadi filem? Macam cerite Puteri Gunung Ledang tu. Filem hok berkualiti lah, hok boleh masuk panggung. Boleh lah tarik minat orang untuk tahu pasal Ulik Mayang ni". (Temu bual Informan 3, 2026)

Mitos Ulik Mayang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong ke lokasi asal iaitu batu Burok menerusi penjenamaan semula Ulik Mayang melalui adaptasi teater atau filem berkualiti tinggi. Dengan adanya pengadaptasian sastera lisan ke dalam platform



kreatif arus kemodenan seperti pementasan teater dan penfileman, bukan sahaja berfungsi sebagai produk pelancongan, tetapi juga dapat bertindak sebagai satu jambatan yang kukuh dalam mengekalkan Ulik Mayang daripada pupus dalam memori kolektif masyarakat. Perkara ini telah disuarakan dengan jelas oleh informan 1 yang bimbang akan ancaman kepupusan memori kolektif masyarakat akibat arus globalisasi.

“Mitos, sejarah, legenda ni sangat penting untuk kite kekalkan. Sebab zaman akan datang, mungkin orang akan sibuk dengan teknologi baru, jadi benda-benda gini akan ke belakang. Kena ade orang yang boleh buat mitos ni sentiasa diketengahkan. Memang kerajaan kena sediakan satu unit, satu organisasi, satu jabatan yang memang khas untuk mewartakan cerite-cerite rakyat kite ni. Biar rakyat kite dok lupe asal-usul kite. Jangan sebab kite kejar sangat ke teknologi sampai kite lupe asal-usul kite. Sebab asal-usul ni kite nok tahu dia adelah dari benda-benda gini lah, cerite-cerite rakyat, cerite kenegerian ni. Jadi, memang kena diketengahkan. Kalau dok rakyat kite ni akan hilang jati diri”. (Temu Bual Informan 1, 2025)

Suara kerisauan Informan 1 ini membuktikan bahawa pelestarian warisan memerlukan perlindungan institusi rasmi seperti Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan Jabatan Pelancongan Negeri untuk bersama-sama menjaga warisan tidak ketara kita. Melalui sokongan institusi-institusi penting ini, mitos Ulik Mayang dapat dipakejkan mengikut garis panduan silang budaya, dan pelancongan yang patuh syariah bagi mengelakkan isu sensitiviti agama. Sekaligus, ia dapat menonjolkan keunikan falsafah masyarakat pesisir pantai Terengganu ke persada dunia. Kesimpulannya, pengaplikasian strategik berkenaan Ulik Mayang dan sektor pelancongan warisan ini akan memastikan sastera lisan tempatan tidak akan pupus, sebaliknya dihidupkan semula sebagai aset ekonomi dan identiti budaya yang bersedia untuk menghadapi cabaran arus permodenan akan datang.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya merungkai dan menonjolkan potensi sebenar warisan tidak ketara Ulik Mayang sebagai satu kaedah strategik dalam pelestarian pelancongan warisan di Bukit Puteri dan Batu Burok. Melalui analisis mendalam terhadap naratif lisan dan kosmologi 'Tujuh Puteri', dapat dirumuskan bahawa mitos ini bukanlah sekadar hiburan kosong mahupun amalan *khurafat* yang menyesatkan. Sebaliknya, ia merupakan manifestasi kebijaksanaan tempatan (*local wisdom*) yang sarat dengan nilai-nilai integriti, ketepatan janji, dan berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang ampuh bagi masyarakat pesisir pantai pada masa lampau.

Pemurnian stigma negatif terhadap warisan ini telah membuka satu dimensi baharu kepada sektor pelancongan budaya di Terengganu. Ulik Mayang terbukti memiliki nilai komersial yang tulen dan berpotensi untuk diangkat menjadi produk pelancongan penceritaan (*storytelling tourism*) yang berimpak besar, seperti pengenalan laluan "Jejak Warisan Tujuh Puteri" yang menghubungkan sejarah lisan di Bukit Puteri dan tapak persembahan di Pantai Batu Burok. Usaha ini membolehkan pelancong merasai pengalaman silang budaya secara langsung, serta menjana manfaat sosioekonomi komuniti tempatan tanpa mengorbankan keaslian warisan.



Walau bagaimanapun, pelestarian memori kolektif ini menuntut sinergi yang utuh daripada pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya agensi kerajaan dan penggiat industri pelancongan negeri. Pembangunan perancangan pelancongan yang berstruktur, kempen kesedaran yang membetulkan naratif *khurafat*, dan pendokumentasian secara berpusat adalah amat kritikal. Diharapkan hasil kajian ini dapat bertindak sebagai batu asas serta rujukan kepada pembuat dasar untuk memposisikan mitos dan cerita rakyat bukan lagi sebagai lipatan sejarah di muzium, sebaliknya sebagai aset pelancongan berharga yang memastikan kelestarian identiti budaya Terengganu terus bernafas untuk generasi akan datang.

Penghargaan

Data yang dibentangkan dalam kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian tesis Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Warisan) yang sedang diusahakan oleh penulis iaitu Nurul Syuhada binti Mohd Sharol di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

Rujukan

- A Glimpse of Kelantanese Mak Yong from the Past to the Present. (2018). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(1), 83-94.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2022). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Idrus, A. I. (2024). Ulik Mayang warisan Melayu yang diwarisi. Dalam *The Malay Heritage* (Vol. 1). KSTCL Press. ISBN 978-967-2771-22-7
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM]. (1991). *Pandangan Mengenai Lagu Ulik Mayang*. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-28.
- Jamaluddin, A. S. (2026). *Ulik Mayang in the tide of modernisation: Challenges in preserving intangible cultural heritage*. Universiti Putra Malaysia.
- Johari, J. (2023). Resident's Perception of Heritage-Based Tourist Attractions in Kuala Terengganu. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 8 (33), 90-99.
- Mansor, N. (2017). *Ulik Mayang warisan Terengganu*. Penerbit UMT. ISBN 978-967-2134-09-1
- Mohd Sharol , N. S., Ab Jabar, N., Sukri, S., Thomas, C. D., & Normee Hadee, N. A. (2025). Impak Lirik Lagu Rakyat Melayu Terhadap Pelancongan di Terengganu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 49-63. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.5.2025>
- Moscardo, G. (2020). *Stories and design in tourism*. *Annals of Tourism Research*, 83, 102950.
- Smith, M. K. (2015). *Issues in cultural tourism studies* (3rd ed.). Routledge.



Timothy, D. J. (2011). *Cultural Heritage and Tourism: An Introduction*. Channel View Publications.

Tradisi Lisan dan Pelancongan di Malaysia: Satu Saranan. (2013). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 1(1), 51-76. <https://doi.org/10.47252/teniat.v1i1.60>

UNESCO. (2003). *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.

United Nations World Tourism Organization. (2022). *International Tourism Highlights, 2022 Edition*. Madrid: UNWTO.

Williams, R. (1977). *Marxism and Literature*. Oxford University Press. ISBN 0-19-876061-2

